

# UPM hasilkan ikan hibrid kelah-lampam



**I**KAN kelah (*Tor tambroides*) merupakan ikan sungai yang popular antara kalangan penternak dan pemancing di Malaysia, bukan sahaja kerana keenakan rasa dagingnya malah ia merupakan ikan sungai yang digilai ramai. Spesies ikan kelah secara amnya hanya terdapat di Asia Selatan.

Justeru, tidak hairan ikan kelah ini diberi pelbagai gelaran seperti permata sungai dan raja sungai.

Kelah atau *Malaysian mahseer* merupakan sejenis kap dalam keluarga Cyprinidae yang bersisik besar dan digambarkan pada asalnya oleh Hamilton 1822. Selain itu, kelah dilaporkan antara ikan yang penting dalam perikanan Sungai Pahang.

Malangnya, spesies liarnya semakin berkurangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh aktiviti antropogenik seperti penebangan hutan, pencemaran dan penebangan hutan yang menyebabkan kemerosotan kualiti air sungai.

Menyedari hakikat ini, kerja-kerja penyelidikan hibrid interspesies diperkenalkan dalam kajian baru-baru ini untuk menjadi alternatif kepada penurunan populasi kelah.

Faktor lain yang menjurus kepada program menghasilkan hibrid kelah di negara ini antaranya adalah kesukaran



**HORMON Ovotide yang digunakan dalam penyelidikan menghasilkan ikan hibrid kaedah aruhan.**

mendapatkan telurnya yang matang, telur tidak mencukupi, pembiakan bermusim, pengurangan populasi akibat tekanan alam sekitar dan kadar pertumbuhan perlahan untuk menghasilkan induk yang matang. Masalah ini tidak berlaku kepada ikan sungai lain yang dapat membiak dalam masa

seawal enam bulan dalam sistem kolam.

Sebagai contoh, ikan lampam Jawa (*Barbonymus gonionotus*) adalah antara induk yang sesuai digunakan dalam penghasilan hibrid kelah.

Pengurusan and pemilihan induk daripada dua spesies ikan iaitu lampam jawa (betina) dan kelah merah (jantan) adalah penting dalam menentukan kejayaan penghasilan hibrid ini.

Pembiakan aruhan menggunakan hormon Ovotide dijalankan dalam proses mematangkan telur.

Suntikkan hormon Ovotide sebanyak 0.4 mililiter (ml)/kg diberi kepada induk betina lampam jawa menerusi intramuskular pada belakang sirip dorsal.

Ikan yang telah disuntik dibiarkan selama antara lima dan enam jam sebelum proses meleret telur ikan dijalankan. Telur ikan lampam jawa kemudian akan dileret dan disenyawakan bersama sperma ikan kelah.

Perkembangan telur yang tersenyawa akan dipantau



sehinggalah menetas. Walaubagaimana pun, hibrid kelah-lampam ini mempunyai kadar penetasan yang rendah iaitu antara lima peratus dan 10 peratus.

Larva ikan yang baru menetas akan dipelihara dan kualiti air akan dijaga rapi bagi menjamin kadar hidup yang tinggi.

Pemberian makanan hidup seperti rotifer atau cacing micro bermula dari hari ketiga selepas menetas sehingga hari ke-10. Kemudian, artemia diberikan selama empat hari diikuti pemberian makanan rumusan sehingga mencapai peringkat juvenil.

Kajian mengenai ciri-ciri morfologi menunjukkan bahawa hasil kacukan ini mempunyai sifat keturunan yang lebih rapat kepada induk lampam.

**PASUKAN penyelidik (dari kiri) Dr. Muhammad Fadhil Syukri, Azfar Ismail, Siti Nur Ain dan Nurul Jannah Puaad.**

Antara kelebihan kelah hibrid adalah kadar pertumbuhan ikan hibrid adalah lebih cepat berbanding dengan tumbesaran benih lampam Jawa dan boleh diperhatikan seawal 14 hari selepas menetas.

Hibrid ikan kelah pertama berjaya dihasilkan pada Mac 2017 di Jabatan Akukuakultur, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) oleh **Dr. Fadhil Syukri** dan Siti Nur Ain Azahar.

Sementara itu menurut Dr. Fadhil, kajian masih dijalankan bagi mengenal pasti potensi ikan hibrid tersebut sebagai salah satu ikan dalam industri akuakultur.

"Ikan ini cepat membesar dan

berharap dapat mengganti ikan seperti tilapia," ujarnya.

Ditanya sama ada spesies ikan lain juga boleh digunakan untuk menghasilkan hibrid, beliau berkata, percubaan perlu dilakukan terlebih dahulu bagi mengenal pasti kesesuaian.

Ini kerana menurut Dr. Fadhil, kadar kadar penetasan agak rendah sekiranya ikan yang digunakan tidak sesuai.

Ikan yang dihasilkan itu mempunyai kadar tumbesaran yang jauh lagi baik berbanding lampam.

Justeru, ikan tersebut berpotensi menjadi ikan baharu dalam industri akuakultur.



**IKAN induk terbaik dipilih.**



**HORMON Ovotide disuntik.**



**TELUR daripada induk betina diperoleh.**